BH BeritaHarian

Kajian neuropolitik dedah tingkah laku pengundi

- Individu berhaluan politik liberal memberikan reaksi tindak balas lemah terhadap sesuatu provokasi berbanding individu berhaluan politik konservatif yang memberikan reaksi lebih aktif dan agresif

- Kita seharusnya perlulah berfikir secara mendalam dan mengambil kira pelbagai faktor sekeliling serta tidak dipengaruhi emosi semata-mata apabila memilih calon pemimpin kita kelak

Oleh Dr Mohd Khairul Izamil Zolkefley
bhrencana@bh.com.my

Pensyarah Kanan Fakulti Sains dan Teknologi Industri, Universiti Malaysia Pahang (UMP)

Hari ini, sekali lagi rakyat akan menjalankan tanggungjawab mengundi untuk memilih pemimpin di lokaliti masing-masing dalam Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15). Sepanjang dua minggu berkempen ini sejak hari penamaan calon pada 5 November lalu, pelbagai manifesto dibentangkan calon dan parti untuk menambat hati pengundi.

Warga bandar mahupun penduduk kampung rancak berdiskusi calon pemimpin pilihan sama ada di alam maya atau warung kopi. Sebahagiannya, memilih berdasarkan parti, yang lain cenderung melihat karisma, tahap pendidikan, peribadi dan idea serta komitmen boleh diberikan calon itu sendiri.

Kecenderungan berbeza ini sangat berkait rapat dengan bagaimana otak kita berfungsi membuat keputusan apabila diberikan pilihan, sama ada melalui emosi semata-mata atau menggunakan akal membuat pertimbangan sewajarnya.

Hal inilah dinamakan neuropolitik, yang mengkaji hubung kait antara politik dengan disiplin ilmu neurosains, kajian berkenaan fungsi otak dan sistem saraf manusia.

Kajian neuropolitik sangat penting dalam merungkai jawapan persoalan mengenai tingkah laku manusia dalam berpolitik.

> Adakah perbezaan kecenderungan politik seseorang berkait rapat dengan pengaktifan fungsi bahagian otak berbeza?

> Jika kecenderungan politik boleh diubah, mengapa individu tertentu lebih cenderung menyokong terhadap satu parti sahaja, manakala sebahagiannya terbuka menyokong parti berlainan?

> Adakah terdapat perbezaan aspek tahap pendidikan, umur, jantina, bangsa, etnik dan agama dalam mempengaruhi otak membuat sesuatu keputusan penting dalam berpolitik?

> Bolehkah neuropolitik merungkai persoalan psikologi dalam berpolitik seperti obsess terhadap pemimpin tertentu, kegelisahan (anxiety), kemarahan, kebencian dan penularan teori konsiprasi?

> Adakah pengundian calon pilihan pemimpin menggunakan bahagian otak terbabit dengan kognitif (cortical structure) ataupun emosi (limbic structure)?

Faktor pengaruhi keputusan

Secara amnya di dalam otak kita, terdapat dua bahagian utama akan diaktifkan apabila kita perlu membuat sesuatu keputusan penting, iaitu lateral prefrontal cortex (dipengaruhi proses pengiraan dan timbang tara sesuatu perkara berdasarkan konsep reasoning) dan medial prefrontal cortex (dipengaruhi timbangan emosi, sikap peribadi dan tingkah laku manusia).

Isu penting dan perlu kita ketahui adalah adakah keputusan pemilihan calon pemimpin akan diundi hari ini adalah berdasarkan keputusan intelektual ataupun dipengaruhi emosi ataupun kedua-duanya sekali?

Adakah keyakinan kita itu dipengaruhi faktor emosi, sentimen atau fakta semata-mata atau terdapat faktor lain menyokong keputusan kita itu?

Hakikatnya, kajian mengenai politik dan bagaimana otak kita berfungsi ini bukanlah satu perkara baharu, tetapi sudah lama dijalankan saintis di seluruh dunia terutama dalam mengkaji perbezaan cara otak berfungsi bagi individu berhaluan parti berbeza seperti fahaman politik liberal dan konservatif.

Berikut contoh ringkas dapatan beberapa kajian dijalankan:

Ketika subjek diberi pilihan untuk memilih calon pilihan pemimpin mereka, didapati bahagian otak terbabit dengan fungsi kognitif (prefrontal cortex) dan emosi (amygdala) bertindak secara aktif ketika proses pemilihan calon pemimpin dilakukan.

Individu yang berhaluan politik liberal memberikan reaksi tindak balas lemah terhadap sesuatu provokasi atau stimulus diberikan berbanding individu berhaluan politik konservatif yang memberikan reaksi lebih aktif dan agresif.

Selepas sesuatu pilihan raya dijalankan, apabila imej calon pemimpin kalah ditunjukkan kepada subjek, ia didapati mengaktifkan bahagian otak terbabit dalam evaluasi sosial yang menyentuh aspek berkaitan sikap dan kepercayaan terhadap seseorang. Bagaimanapun, imej calon menang didapati tidak mengaktifkan bahagian berkenaan.

Daya fungsi otak individu berbeza

Kajian dengan menggunakan ujian kognitif mendapati individu berhaluan fahaman politik liberal lebih mudah menerima sesuatu maklumat baharu berbanding individu berhaluan fahaman politik konservatif.

Mengundi dengan menggunakan bahagian otak yang mana?

Bagaimanapun, dapatan kajian di atas tidak semestinya menggambarkan proses sama dialami otak semua manusia. Setiap individu mempunyai daya proses fungsi otak berbeza dipengaruhi pelbagai faktor seperti umur, pengalaman, kematangan dan keadaan persekitaran mereka.

Justeru, adalah sangat penting untuk kita mengetahui bagaimana otak kita berfungsi ketika kita perlu membuat sesuatu keputusan apabila diberikan senarai pilihan yang ada.

Hakikatnya, fitrah manusia yang mempunyai akal dan perasaan tidak dapat lari daripada kedua-dua elemen intelektual dan emosi ini apabila perlu membuat sesuatu keputusan penting. Namun, sebagai rakyat bijak, kita seharusnya perlulah berfikir secara mendalam dan mengambil kira pelbagai faktor sekeliling serta tidak dipengaruhi emosi semata-mata apabila memilih calon pemimpin kita kelak.

Gunakanlah otak dan akal fikiran kita dengan waras serta sebaik-baiknya ketika membuat pilihan pada hari ini. Ingatlah, undi kita pada hari ini menentukan masa depan waris dan negara kita.

Ikut hati mati, ikut rasa binasa, ikut akal selamat selamanya.